



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:

ENCIK FARISH BIN MOHD. TAHA MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI
SEORANG PUSTAKAWAN DALAM MEMBANGUNKAN PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI PERDANA DI SELANGOR

DISEDIAKAN OLEH:

MAHADIR BIN SAIDUN

MUHAMMAD HAKIMI BIN ZABRI

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI INSTITUT TEKNOLOGI MARA,
JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 - DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SEMESTER 5 (MAC - JUN 2015)

ISI KANDUNGAN

	PENGHARGAAN	
1.0	ABSTRAK	1
2.0	SINGKATAN KATA	2
3.0	Pengenalan	3
4.0	Transkrip Wawancara	4 - 65
5.0	Log Wawancara	66 - 70
6.0	Kronologi	71
7.0	Biodata	
7.1	Biodata Tokoh	72
7.2	Biodata Penulis 1	73
7.3	Biodata Penulis 2	74
8.0	Senarai Soalan Wawancara	
7.1	Senarai Soalan Pengenalan	75
7.2	Senarai Soalan Umum	75 - 77
7.3	Senarai Soalan Spesifik	77 - 81
9.0	Ralat	82
10.0	Rumusan	83
11.0	Senarai Rujukan	84
12.0	Lampiran	85
13.0	Indeks	86 - 87

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu, kami ingin memanjatkan syukur yang tidak terhingga kehadiran Allah s.w.t. yang telah mengurniakan rahmat dan kesihatan kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada waktu yang telah ditetapkan. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan kami iaitu Encik Mohd Faizal bin Mohd Ramsi yang mengajar kami dengan penuh kesabaran sepanjang proses pembelajaran kami di semester lima ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakkan, dan maklumar kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan jutaan terima kasih terhadap kedua ibu bapa kami yang dicintai, yang telah banyak memberi dorongan dari segi fizikal dan mental, serta nasihat yang berguna secara terus-menerus untuk memotivasikan kami dalam pelaksanaan tugas ini. Setinggi-tinggi penghargaan ingin kami tujukan kepada Encik Farish bin Mohd. Taha yang sudi menjadi pengkisah dalam penulisan skrip kami ini. Beliau telah memberi banyak maklumat serta nasihat yang berguna kepada kami, disamping memberikan kerjasama yang sangat memberangsangkan kepada kami sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Sesungguhnya kami tidak dapat membalas jasa semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam membantu kami. Sesungguhnya Allah sahajalah yang dapat membalas jasa kalian. Terima kasih.

2.0 SINGKATAN KATA

SINGKATAN	AYAT PENUH
MH	Muhammad Hakimi
MS	Mahadir Saidun
FMT	Farish Mohd. Taha
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
UiTM	Universiti Institut Teknologi MARA
DIY	Do It Yourself
MARA	Majlis Amanah Rakyat
ITM	Institut Teknologi MARA
USJ	UEP Subang Jaya
ICADL	International Conference and Digital Library
SOP	Standard of Procedure
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
MLG	Medical Librarian Group
PU	Perdana University
MQA	Malaysia Qualification Agency
PUGSOM	Perdana University Graduate School of Medicine
CD	Compact Disc
DVD	Digital Compact Disc
PC	Personal Computer
VVIP	Very Very Important Person
KSRMC	Kelab Sukan dan Rekreasi Medical Centre
PPM	Persatuan Pustakawan Malaysia

3.0 PENGENALAN

3.1 Objektif Kajian

- Mengenal bekas alumni Fakulti Pengurusan Maklumat dengan lebih dekat
- Menambah ilmu pengetahuan tentang sistem pengurusan perpustakaan di Malaysia secara lebih terperinci
- Mendapatkan gambaran sebenar tentang realiti alam pekerjaan di dalam bidang Pengurusan Maklumat
- Membantu mengubah persepsi masyarakat bahawa profession perpustakawanan adalah sesuatu yang mudah

3.2 Kaedah Kajian

Kaedah yang kami gunakan dalam pelaksanaan temubual bersama tokoh adalah seperti berikut:-

- Melakukan pembacaan melalui pelbagai sumber seperti Internet, jurnal, surat khabar, dan buku
- Melakukan rujukan bersama pensyarah berkaitan tentang prosedur serta nasihat dalam melaksanakan kajian temubual bersama tokoh pendidikan
- Mendapatkan keizinan dan persetujuan daripada tokoh melalui e-mail serta panggilan telefon
- Melakukan dua (2) sesi pertemuan dengan tokoh berkenaan, di mana sesi pertama adalah untuk sesi suai kenal dan proses temubual soalan pengenalan dan umum, manakala sesi kedua adalah untuk proses temubual soalan spesifik